



## MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

### KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat atau kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam kod bidang '222402/020899' dan tajuk masih berkuatkuasa dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan bekalan seperti berikut :-

TAJUK SEBUT HARGA	GRED, KATEGORI, PENGKHUSUSAN	TARIKH PENDAFTARAN & SYARAT-SYARAT PENYERTAAN SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN & TARIKH DOKUMEN MULAI DIMUAT TURUN	TARIKH TUTUP
<p>TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN KASUT BAGI KAKITANGAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU.</p> <p>No. Sebutharga : MBKT SH 101/2021</p>  <p><a href="https://forms.gle/YqttKPlJ2NF2sAve7">https://forms.gle/YqttKPlJ2NF2sAve7</a></p>	<p>Berdaftar dengan KKM</p> <p>Kod Bidang 222402/020899</p> <p><u>Sijil atau dokumen-dokumen yang perlu dimuat turun semasa pendaftaran bagi tujuan semakan :-</u></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Salinan Kad Pengenalan PENAMA yang berdaftar.</li><li>*Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera)</li><li>*Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat)</li></ul>	<p>Tiada Lawatan Tapak/ Taklimat</p> <p><u>Tarikh Pendaftaran :-</u></p> <p>Pada Ahad , 15 Ogos 2021 (<i>mulai jam 11.00 pagi</i>) hingga Selasa, 17 Ogos 2021 sebelum jam 12.00 Tengahari.</p> <p><u>Cara Pembayaran :-</u></p> <p>Hanya penyebutharga atau kontraktor yang <b>TELAH BERDAFTAR (dokumen-dokumen disemak dan disahkan layak) DAN MENGEMUKAKAN SLIP BAYARAN SAHAJA</b> akan menerima email untuk memuat turun Dokumen Sebutharga</p> <p><b>Bayaran Secara Atas Talian kepada Akaun Rasmi Milik MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU melalui sistem e-bayaran</b> <a href="https://apps.mbkt.gov.my/ebayaran/tnoder.php">https://apps.mbkt.gov.my/ebayaran/tnoder.php</a></p> <p>Setelah membuat pembayaran, sila buat pendaftaran mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan dan memuat naik dokumen atau sijil berkaitan serta bukti bayaran (<i>slip bayaran</i>) melalui pautan <i>Google Form</i> pada capaian Kod QR mengikut nombor sebutharga</p>	<p><b>Harga Dokumen Sebutharga Muat Turun adalah RM20.00.</b></p> <p><b>Dokumen Sebutharga akan diedarkan secara talian/ email mulai Isnin , 23 Ogos 2021 selepas semakan dokumen atau sijil dan slip bayaran diterima (sila semak inbox atau spam).</b></p> <p><b>Peringatan PENTING :</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Dokumen sebutharga hanya di edarkan (<i>email</i>) kepada penyebutharga yang mengemukakan dokumen lengkap dan masih sah serta slip bayaran sahaja.</li><li>2. Penyebutharga atau kontraktor yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tidak akan diedarkan (<i>email</i>) sebutharga dan <b>bayaran tidak akan dikembalikan</b></li><li>3. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas kecuaian atau kesilapan penyebutharga atau kontraktor semasa membuat pendaftaran dan bayaran atas talian ini.</li></ol>	<p>Khamis , 2 September 2021</p> <p>Jam 12.00 Tengah Hari</p> <p>Sebutharga yang lewat tidak akan diterima</p>

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan di edarkan secara email kepada kontraktor atau penyebutharga yang mengemukakan dokumen lengkap dan masih sah serta slip bayaran sahaja. Penyebutharga atau kontraktor yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tidak akan diedarkan (*email*) dokumen Sebut Harga dan bayaran tidak akan dikembalikan.
3. Dokumen Sebut Harga dalam bentuk salinan (Salinan Cetak) yang telah lengkap di isi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat berkenaan. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang beralamat : - Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (d/a : Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan di Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu) pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada KHAMIS, 2 September 2021.
4. Pihak Majlis tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan secara pos berdaftar atau kurier. Kontraktor atau penyebutharga hendaklah memastikan dokumen Sebut Harga tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
5. Pihak Majlis berhak MENOLAK sekiranya pendaftaran yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan, tidak mematuhi peraturan penyertaan dan melebihi tempoh masa pendaftaran yang telah ditetapkan serta didapati dokumen-dokumen yang dimuatnaik berbeza atau palsu dengan dokumen sebenar semasa penyerahan dan penilaian Dokumen Sebut Harga kelak. Bayaran yang telah dibuat juga tidak akan dikembalikan.
6. Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Semua kos yang berkaitan dengan tawaran Sebut Harga ini adalah tanggungjawab kontraktor atau penyebutharga.
7. Sebarang pertanyaan boleh hubungi melalui email [qs.mbkt@gmail.com](mailto:qs.mbkt@gmail.com)
8. Kontraktor atau penyebutharga hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dengan mematuhi Standard Operation Prosedur (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

.....t.t.....  
( HAJI ROZALI BIN SALLEH )  
Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu



